

**MAJLIS MAKAN MALAM PERSATUAN PEGAWAI TADBIR & DIPLOMATIK  
(PPTD) 1995**

HILTON HOTEL, KUALA LUMPUR, 11 DISEMBER 1995

Saya mengucapkan terima kasih kepada Persatuan Pegawai Tadbir dan Diplomatik kerana menjemput saya dan isteri ke Majlis Makan Malam Tahunannya pada malam ini.

2. Kita rakyat Malaysia telah diberikan limpahan kemewahan, kemakmuran dan keamanan. Tiap hari kita mendengar, terbaca atau melihat melalui TV berbagai-bagai malapetaka seperti gempa bumi, banjir, kemarau panjang, letupan gunung berapi, kebuluran atau bencana-bencana lain menimpa rakyat negara lain di serata pelusuk dunia. Walaupun bencana alam berlaku di negara kita, seperti banjir atau kejadian tanah runtuh, kesannya adalah kecil jika dibandingkan dengan malapetaka yang menimpa negara-negara asing. Bencana alam yang sering berlaku ini, bagaimanapun bukanlah penyebab utama kepada kemelaratan, kesengsaraan dan penderitaan yang dialami oleh berjuta-juta rakyat dunia. Jika kita menyingkap kembali sejarah, malapetaka yang lebih dahsyat adalah dimulakan sendiri oleh manusia. Fenomena peperangan, keganasan, pemberontakan, fahaman fanatik, kebencian perkauman dan lain-lain bentuk kekacauan adalah contoh bagaimana manusia berbunuhan atau bertindak kejam menjahanamkan insan dan hartabenda sesama sendiri. Setakat ini, dengan limpahan nikmat dan keamanan yang berpanjangan, serta ekonomi yang maju, rakyat Malaysia harus bersyukur kerana kita lebih bernasib baik berbanding dengan bangsa-bangsa lain.

3. Apa yang kita capai dan perolehi pada hari ini bukanlah hanya warisan. Ia adalah hasil titik peluh, kerja kuat dan pengorbanan yang telah kita curahkan sebelum ini. Memang benar, bumi kita Malaysia dikurniakan oleh Tuhan Yang Maha Esa dengan pelbagai limpahan kekayaan semulajadi. Kekayaan tersebut bagaimanapun jika tidak diurus dengan baik dan sempurna, belum tentu akan memberikan pulangan untuk kita kecapi hasilnya. Satu masa dulu, negara kita amat bergantung kepada beberapa barangan komoditi. Turun naik harga barangan tersebut tidak sahaja menjejaskan kelicinan belanjawan tahunan yang kita rancangkan, malah lebih teruk, ia kerap memberi kesan buruk terus kepada pendapatan petani-petani serta peladang-peladang.

4. Kini negara mencapai pembangunan ekonomi yang pesat dengan kadar pertumbuhan melebihi lapan peratus setahun sejak tujuh tahun berturut-turut. Pencapaian ini antara lain disebabkan oleh keberkesanan dan kelicinan jentera pentadbiran Kerajaan khususnya Perkhidmatan Awam. Ianya merupakan nadi yang penting dalam menggerakkan keseluruhan jentera Kerajaan. Golongan pentadbir adalah pelaksana dasar dan rancangan Kerajaan dan

bertanggungjawab memastikan projek-projek serta perkhidmatan-perkhidmatan yang disalurkan berjalan dengan baik. Walaupun dari masa ke semasa, masih ada rungutan terhadap perkhidmatan awam, saya percaya ianya sedang diperbaiki menerusi pelbagai pembaharuan dan inovasi yang sedang dibuat ke arah memastikan birokrasi kita prihatin, bersifat proaktif dan cekap. Jika dibandingkan dengan perkhidmatan awam di negara membangun yang lain, saya percaya perkhidmatan awam di negara ini jauh lebih profesional dan sistematik. Barangkali kerana keberkesanan yang telah ditunjukkan itu, 'The World Competitive Report' meletakkan Perkhidmatan Awam Malaysia di tangga keempat terbaik di dunia. Dalam konteks ini, saya berharap semoga cita-cita untuk menjadikan Perkhidmatan Awam Malaysia sebagai yang terunggul di dunia bukanlah merupakan satu impian, malah ianya boleh menjadi kenyataan sekiranya sektor awam terus berusaha dengan penuh dedikasi, berdisiplin, cekap dan produktif.

5. Pada akhir-akhir ini, ada kalangan yang berpendapat bahawa peranan Perkhidmatan Awam telah berkurangan, menguncup dan tidak lagi penting. Perkhidmatan Awam masih dan akan terus memainkan peranan yang penting, cuma fungsinya harus berubah mengikut peredaran masa. Perkhidmatan Awam harus menjadi fasilitator yang dapat memenuhi kehendak rakyat terutamanya pihak swasta. Kerajaan banyak meluluskan undang-undang dan dasar-dasar yang perlu diselaraskan oleh anggota-anggota Perkhidmatan Awam. Undang-undang atau peraturan-peraturan yang sebegitu banyak mungkin sebahagiannya telah lapuk dan tidak lagi bersesuaian dengan keadaan sekarang. Dalam konteks ini, golongan pentadbir perlu mengkajinya untuk dipinda, dibatal atau ditokok-tambah.

6. Dalam urusan seharian, Kerajaan berharap perkhidmatan yang diberi kepada pelanggan, yang terdiri daripada rakyat jelata ini dibuat dalam bentuk yang mudah, lebih cepat, telus dan tidak membebankan. Borang-borang yang diguna pakai oleh jabatan-jabatan Kerajaan sekarang harus dikaji dan jika perlu, dipinda ke arah mempertingkatkan lagi kelicinan pentadbiran Jabatan-jabatan Kerajaan. Seberapa yang mungkin Perkhidmatan Awam harus beralih kepada automasi kerana dengan automasi kerja-kerja akan dapat dipercepatkan dan penggunaan kertas dapat dikurangkan. Perkara penting yang diperlukan dari Perkhidmatan Awam sekarang adalah supaya dapat melahirkan sesuatu dengan kos yang minima dan mengambil masa yang singkat.

7. Jika kedudukan Perkhidmatan Awam Malaysia berada pada tahap yang kukuh dan terbaik sekarang, sedikit sebanyak ianya adalah sumbangan terus daripada Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik. Perkhidmatan ini mengepalai berbagai jawatan penting dalam sektor awam sama ada bagi sektor dalam negeri mahupun untuk

sektor luar. Sebagai salah satu perkhidmatan tertua yang bermula sejak zaman penjajah lagi, Perkhidmatan PTD mengepalai perkhidmatan- perkhidmatan lain dalam urusan pertadbiran, penggubalan, pelaksanaan dan penilaian dasar-dasar dan projek-projek utama Kerajaan. Skop yang dirangkumi adalah luas, iaitu meliputi pembangunan ekonomi, tenaga manusia, sosial, kewangan, keselamatan, Pentadbiran Daerah dan Kerajaan Tempatan serta lain- lainnya. Memandangkan pentingnya perkhidmatan ini, adalah amat penting satu sistem pengambilan yang ketat atau "selection process" digunakan supaya hanya calon-calon yang sesuai sahaja dipilih untuk memasukinya. Langkah ini penting untuk memastikan prestasi Perkhidmatan PTD terus berada pada tahap terbaik sesuai dengan peranan dan tanggungjawab besar yang dipertanggungjawabkan kepadanya. Bagi pegawai-pegawai yang sedia ada, mereka perlu mencari ruang dan cara terbaik untuk terus memperbaiki kecekapan diri.

8. Dalam konteks ini, Pegawai PTD harus sentiasa mengorak inisiatif baru atau mengeluarkan ide-ide bernas. Mereka yang ingin berjaya perlu sentiasa mencari jalan dan berusaha untuk memperkayakan minda, pemikiran dan tingkah laku supaya tidak terperangkap dalam budaya "complacence".

9. Kekayaan alam semulajadi bukanlah satu-satunya prasyarat untuk menjadi sesuatu negara itu makmur. Banyak negara Selatan yang mempunyai "biodiversity" yang melimpah tetapi terus hidup melarat kerana gagal menguruskan sumber dengan baik. Peranan sumber tenaga manusia di dalam membangunkan negara sedemikian juga. Walaupun peranan tenaga manusia ini penting, jika kita tidak melatihnya supaya lebih produktif, berkemahiran, berdisiplin dan bertanggungjawab, ada kemungkinan kejayaan yang kita capai pada hari ini akan luntur dan lenyap esok hari. Kita perlu mengurus kejayaan kita dengan cara terbaik agar kita terus meningkatkan kemajuan kita. Jika kita ingin terus mengekalkan prestasi, semua warga Malaysia tidak harus dibuai dan berkhayal dengan kejayaan yang lalu. Kita perlu terus bertungkus-lumus dan jangan sekali-kali berhenti kerana berpuas hati dengan apa yang kita capai setakat ini. Banyak peradaban serta negara-negara yang maju sebelum ini runtuh atau mengalami krisis kerana kelalaian rakyatnya dan banyak juga syarikat gergasi mati kerana tidak berjaya mengurus kejayaan. Ini adalah antara pengajaran yang perlu diambil iktibar oleh kita.

10. Dalam suasana dunia yang dinamik dan sentiasa berubah pantas ini, kita perlu harungi cabaran dalam konteks mengubah paradigma lama, dari batasan dalam negeri kepada tiada sempadan atau "borderless". Masyarakat Wawasan 2020 harus mampu berfikiran secara global di samping memperteguh struktur dan sistem dalaman dan nilai-nilai masyarakat tempatan. Di samping itu, kita harus sedar tentang perkembangan teknologi,

komunikasi yang canggih dewasa ini yang menjadikan dunia semakin sempit. Kemajuan sistem pengangkutan udara, laut dan darat membolehkan kita beredar di merata pelusuk dunia dalam masa yang singkat. Dengan adanya sistem telefon, fax dan "video conferencing", kita boleh berhubung dan berunding dengan rakan-rakan di luar negara dengan jelas dan cepat. Dalam "environment" seperti inilah, sektor awam harus bekerjasama dengan lebih rapat dengan rakan-rakan di sektor swasta bagi membolehkan kita bukan sahaja merebut peluang ekonomi yang terbuka luas di dunia luar, tetapi juga mampu bersaing dengan mereka dalam jangka masa panjang.

11. Sebagaimana saya tegaskan awal tadi, rakyat berkehendakkan perkhidmatan yang berkualiti. Setakat ini, saya percaya beberapa pembaharuan telah dilaksanakan, umpamanya yang terbaru adalah pengenalan konsep piagam pelanggan (client charter). Saya percaya walaupun pengenalan apa-apa program baru adalah penting, kejayaannya adalah bergantung kepada setakat mana kita sanggup melakukan "follow-up" dan "follow-through" untuk memastikan ianya memberi hasil seperti yang diharapkan.

12. Kita sering mendengar bagaimana kejadian pecah amanah meruntuhkan institusi kewangan. Kita juga mungkin terbaca laporan mengenai gejala-gejala buruk yang lain seperti penyelewengan, rasuah dan penipuan yang datang dari sifat tamak haloba individu-individu yang rakus. Amatlah menyedihkan apabila perbuatan-perbuatan ini dilakukan oleh golongan-golongan yang cerdik serta berjawatan tinggi. Walaupun setakat ini, peratusan golongan yang terlibat dengan gejala-gejala buruk ini tidaklah tinggi, namun program serta tindakan pencegahan yang berterusan adalah perlu. Dalam konteks ini, usaha-usaha untuk memupuk dan memantapkan nilai-nilai murni yang sedia ada seperti integriti, akauntabiliti, nilai-nilai ketakwaan dan keikhlasan perlu diberi keutamaan. Nilai-nilai murni ini perlu dipupuk dalam konteks yang menyeluruh, iaitu bermula dari institusi kekeluargaan, alam persekolahan, masyarakat setempat, kejiranan sehinggalah kepada organisasi perkhidmatan awam.

13. Akhir sekali, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat bersara kepada Tan Sri Dato' Mahmud bin Taib, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam yang secara kebetulan akan bersara dari Perkhidmatan Awam pada esok hari. Kepada PPTD, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih di atas kesudian menjemput saya pada malam ini.